



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 18 APRIL 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	MEKANISME LAMA MASIH DIGUNA KAWAL HARGA MAKANAN - MAFI, ASTRO AWANI -ONLINE BEKALAN DAGING LEMBU CUKUP SEPANJANG RAMADHAN, SYAWAL, UM -ONLINE KERAJAAN PERLU TETAPKAN HARGA SILING, UM -ONLINE PEMBORONG, PENIAGA BERDEGIL, DALAM NEGERI, UM -6 SKIM KAWALAN HARGA TIDAK BERKESAN?, DALAM NEGERI, UM -6 DRESSED CHICKEN COSTLIER, NATION/NEWS, NST -7 PEMBORONG AYAM DIBERI NOTIS, LOKAL, METRO AHAD -12 'HARGA TERTINGGI DALAM SEJARAH, LOKAL, METRO AHAD -12 PENIAGA, PEMBORONG DAPAT 26 NOTIS NAIK HARGA AYAM, NASIONAL, BH AHAD -18 PIHAK BERKUASA DIMINTA KAWAL HARGA BARANG, NASIONAL, BH AHAD -18 MEKANISME SAMA KAWAL KENAIKAN HARGA MAKANAN, NASIONAL, BH AHAD -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
12.	PERTANIAN MAMPU JANA PENDAPATAN LUMAYAN, PANORAMA, KOSMO AHAD -30	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
13.	MAN FINED RM10,000 FOR KILING AND EATING PET DOG, NATION, THE STAR -9	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
14.	MARITIM MALAYSIA RAMPAS 28 SET BUBU NAGA DI KUALA KUAR, NASIONAL, BH AHAD -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
15. 16. 17. 18. 19. 20. 21.	34,700KG BERAS SELUDUP DIRAMPAS, LOKAL, METRO AHAD -12 HUJAN BERTERUSAN JEJAS BEKALAN SAYUR, NASIONAL, BH AHAD -18 SEGERAKAN SKIM LINDUNGI PENDAPATAN PETANI, NELAYAN, MUKA DEPAN, BH AHAD -1 SUKAR KUMPUL DATA LENGKAP PETANI KEKANGAN UTAMA, NASIONAL, BH AHAD -3 PERSATUAN MAHU REALISASI SEGERA SKIM, NASIONAL, BH AHAD -3 'LADANG' ARNAB SEKITAR RUMAH, XPRESI, METRO AHAD -35 TERNAKAN BERSIFAT ORGANIK, XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Mekanisme lama masih diguna kawal harga makanan – MAFI



Che Abdullah berkata pihaknya mengakui harga barang di pasaran sentiasa meningkat akibat daripada inflasi dan beberapa faktor antaranya disebabkan kos pengangkutan dan makanan haiwan ternakan. - Gambar fail

PASIR MAS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) masih mengekalkan mekanisme dan dasar sama seperti sebelum ini, dalam mengawal kenaikan harga makanan di pasaran, kata Timbalan Menteri Pertanian dan

Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawati.

Bagaimanapun, beliau berkata keadaan terutamanya ketika berdepan pandemik COVID-19 ketika ini mendorong berlakunya kenaikan harga barangan yang disebabkan oleh faktor-faktor lain.

"Suasana pada masa terdahulu sangat berbeza dengan suasana masa sekarang...saya tidak nampak polisi masa itu dan polisi masa sekarang berbeza daripada segi kawalan harga makanan," katanya ketika ditemui pemberita sempena lawatan ke Perusahaan Arnab, di sini hari ini.

Che Abdullah berkata pihaknya mengakui harga barang di pasaran sentiasa meningkat akibat daripada inflasi dan beberapa faktor antaranya disebabkan kos pengangkutan dan makanan haiwan ternakan.

Beliau berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta kementerian berkaitan bagi mengatasi kenaikan harga makanan seperti ayam, sayur dan barangan makanan lain.

"MAFI juga berharap tidak ada pihak memanipulasi atau mengambil kesempatan pada musim ini untuk mencari keuntungan," katanya.

Sementara itu, Che Abdullah berkata bekalan daging sepanjang tempoh Ramadan hingga Aidilfitri adalah mencukupi dengan bekalan daging lembu atau kerbau diperolehi daripada sumber penyembelihan tempatan bagi daging segar manakala sumber import bagi daging sejuk beku.

"Dianggarkan bekalan daging untuk perayaan Aidilfitri adalah sebanyak 36,000 tan metrik iaitu sebanyak 27,000 tan metrik sumber daging import dan 9,000 tan metrik daging segar tempatan," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Bekalan daging lembu cukup sepanjang Ramadan, Syawal



PASIR MAS: Bekalan daging lembu sama ada tempatan atau import sepanjang Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada pada 1 Syawal nanti dijamin mencukupi bagi memenuhi permintaan masyarakat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawawi berkata, kerajaan menganggarkan sebanyak 36,000 tan metrik bekalan daging dibekalkan sepanjang musim perayaan kali ini.

“Daripada jumlah itu, daging tempatan 9,000 tan manakala daging import 27,000 tan metrik. Jumlah sebenar keperluan untuk tempoh Ramadan hingga Syawal 10,000 tan metrik sahaja, jadi bekalan adalah mencukupi.

“Keperluan daging lembu dan kerbau untuk perayaan Hari Raya Aidilfitri pula dianggarkan 10,000 tan metrik,” katanya selepas mengadakan lawatan ke tapak penternakan arnab di Kampung Banggol Chicha, di sini hari ini.

Che Abdullah memberitahu, mekanisme dan dasar kerajaan terdahulu dalam mengawal kenaikan harga barangan di pasaran masih lagi diguna pakai secara meluas oleh Kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Katanya, penularan pandemik Covid-19 yang sedang melanda ketika menyebabkan berlakunya peningkatan harga barang di pasaran.

“Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta kementerian berkaitan bagi mengatasi kenaikan bahan mentah di pasaran ketika ini,” katanya. – UTUSAN ONLINE

CHE Abdullah Mat Nawawi (kanan) ketika mengadakan lawatan ke pusat ternakan arnab di Kampung Banggol Chicha, Pasir Mas Kelantan hari ini. – UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Kerajaan perlu tetapkan harga siling



SALAHUDDIN Ayob (tiga dari kanan) ketika meninjau harga ayam dan daging di Pasar Awam Larkin di Johor Bahru, Johor. -UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM

JOHOR BAHRU: Kerajaan digesa menetapkan harga siling terhadap barangan kawalan termasuk ayam dan daging lembu tempatan agar tidak berterusan melambung tinggi sehingga membebankan pengguna.

Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, perkara itu perlu dilakukan segera setelah mendapati harga ayam dan daging berterusan meningkat sejak dua minggu lalu.

Katanya, tinjauan yang dibuat di Pasar Larkin, di sini hari ini mendapati, harga ayam dijual pada RM9.20 sekilogram dan dijangka terus meningkat menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

“Tidak mustahil harga ini terus meningkat kepada RM10 sekilogram menjelang Hari Raya Aidilfitri sekiranya tidak ada kawalan harga dan penetapan harga syiling dibuat.

“Harga sedia ada sekarang pun sudah cukup tinggi dan membebankan rakyat. Tinjauan harga daging lembu tempatan dan daging import serta daging kambing juga melonjak naik.

“Oleh itu, kementerian (Pertanian dan Industri Makanan) perlu bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkongsi sumber dapatan bagi mengeluarkan cadangan harga barang kawalan dapat dikawal,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pulai berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau harga barang kawalan bersama Pengerusi Pakatan Harapan Johor, Aminolhuda Hassan di Pasar Larkin, di sini hari ini.

Salahuddin berkata, ketika dia masih bergelar menteri di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH), kementeriannya mampu mengawal harga ayam antara RM7 hingga RM7.50 manakala harga daging lembu tempatan antara RM30 hingga RM35 sekilogram.

Katanya, lebih membanggakan, harga itu dikawal bagi tempoh sebulan iaitu dua minggu sebelum dan dua minggu selepas perayaan utama di negara ini pada 2019.

Jelasnya, pelaksanaan dan penguatkuasaan harga barang kawalan terkawal dapat dijalankan secara efisien dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

“Jadi, jangan berikan alasan mengapa ia tidak dapat dilaksanakan. Saya juga berharap kerajaan memandang serius isu ini dan menteri yang bertanggungjawab mengambil langkah proaktif memastikan pengguna tidak lagi terbeban.

“Menteri seharusnya mengadakan pertemuan dengan pembekal ayam dan daging lembu tempatan supaya mendengar pandangan mereka berhubung isu berkenaan.

**“Pastinya pengguna menantikan pengumuman oleh pihak kementerian yang menguntungkan mereka dalam masa terdekat. Jika tidak, pengguna terus menjadi mangsa dalam hal ini,” ujarnya. –
UTUSAN ONLINE**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Tidak endah amaran, terus naikan harga ayam

Pemborong, peniaga berdegil

PETALING JAYA: Walaupun amaran diberi dan notis dikeluarkan, masih terdapat pemborong atau pembekal serta peniaga di seluruh negara yang tetap berdegil dengan menaikkan harga ayam antara 30 sen hingga 50 sen.

Di Johor, biarpun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri mengeluarkan sebanyak 26 notis terhadap 20 peniaga runcit dan enam pemborong ayam, harga ayam tetap meningkat.

Harga ayam segar di Pasar Awam Johor Bahru naik lagi kepada RM9.60 sekilogram mulai hari ini selepas para peniaga dimaklumkan perkara itu oleh pembekal sejak kelmarin.

Pengerusi Persatuan Peniaga-peniaga Pasar Awam Larkin Sentral, Abdullah Idris, 59, berkata, perubahan harga itu sekali gus menyaksikan peningkatan sebanyak 40 sen di pasar terbabit berbanding RM9.20 setakat ini.

"Pembekal memaklumkan kenaikan harga itu sejak semalam (kelmarin). Alasan mereka adalah bahan makanan haiwan itu sudah meningkat. Dalam tempoh sebulan ini sahaja, harga ayam standard sudah naik sebanyak empat kali.

"Tidak dinafikan terdapat rungutan daripada pembeli



PENIAGA. Shahrin Osman mengasingkan bahagian ayam yang dijualnya di Pasar Awam Larkin, Johor Bahru, Johor. - MINGGUAN/ MOHAMAD FAIZAL HASHIM

namun kami juga tersepit dan tidak mampu berbuat apa-apa," katanya ketika ditemui di Pasar Awam Larkin di sini, semalam.

Di Negeri Sembilan, harga ayam bersih standard semalam mencecah paras harga sebanyak

RM9.80 bagi sekilogram.

Menerusi aplikasi Price Catcher PDNHEP, harga itu dicatatkan di Pasar Besar Tampin.

Dalam tinjauan *Mingguan Malaysia* di Pasar Besar Seremban kelmarin, harga ayam

mencecah RM10 sekilogram dan menurut peniaga ia ekoran pembekal dan peladang meletakkan harga yang agak tinggi.

Di Kedah, kebanyakan peniaga ayam, di negeri ini menjual ayam proses pada harga antara

RM9.50 sehingga RM10 sekilogram selepas pemborong menaikkan harga bekalan sebanyak 30 sen hingga 50 sen sekilogram.

Malah peniaga terbabit tidak menolak kemungkinan harga ayam di negeri ini boleh mencecah RM12 sekilogram.

Di Perlis, kenaikan harga ayam yang berterusan khususnya sepanjang Ramadan terus memberi kesan kepada para peniaga yang terpaksa mengeluarkan lebih modal setiap hari.

Seorang peniaga Shawarma, Sharifuldin Hashim, 38, berkata, harga ayam semalam didapati masih sekitar RM8.30 hingga RM8.50 sekilogram.

Manakala, katanya, harga ayam bagi bahagian dada pula meningkat daripada RM8.80 sehingga RM9.80 sekilogram sekali gus mengalami kenaikan mencecah RM1.

Di Kelantan, tinjauan di beberapa lokasi di negeri ini mendapati rata-rata pelanggan mengeluh apabila harga ayam mula mencecah RM8.50 sekilogram, berbanding RM7 hingga RM7.50 sebulan dahulu.

Di Perak, harga ayam standard di Pasar Awam Teluk Intan dan Pasar Awam Hutan Melintang mencatat kenaikan sehingga RM10 sekilogram semalam berbanding harga dua hari lalu.

Skim kawalan harga tidak berkesan?

PETALING JAYA: Skim kawalan harga menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri bulan depan seolah-olah tidak lagi berkesan apabila ada beberapa harga barang yang tetap meningkat dengan luar biasa setiap kali tiba bulan Ramadan.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), **Mohd. Yusoff Abdul Rahman** berpendapat, ia boleh dibuktikan menerusi tindakan segelintir peniaga dan pembekal yang mengambil kesempatan menaikkan harga jualan sebelum skim kawalan harga dilaksanakan.

Disebabkan itu, katanya, harga barang terus naik setiap kali bulan Ramadan meskipun skim kawalan harga dilaksanakan.

"Memandangkan semua orang tahu skim kawalan harga



**MOHD. YUSOFF
ABDUL RAHMAN**

menetapkan harga siling sebelum hari raya, harga barang dimanipulasi setiap kali bulan Ramadan dan isu ini seperti tidak ada kesudahan.



NADZIM JOHAN

"Mereka akan cuba mengaut keuntungan sebelum skim kawalan harga dilaksanakan, ini akan memaksa pengguna berbelanja lebih banyak daripada biasa," katanya semalam.

Dalam pada itu, Ketua Aktiviti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), **Datuk Nadzim Johan** berpandangan, meskipun skim kawalan harga dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan, harga barang tetap mengalami kenaikan.

"Ini budaya dan helah untuk buat duit lebih. Ia sudah dirancang setiap tahun dan bukannya berlaku dengan tiba-tiba. Ini soal etika, tetapi etika perniagaan ini tidak dikawal.

"Kalau ada lebih 2,000 penguat kuasa pun tetap tak boleh jaga harga barang yang naik di seluruh negara. Sudah masanya ada kesungguhan untuk melakukan perubahan dan pada masa sama mendidik pengguna tentang harga barang. Kalau tidak, 10 tahun lagi pun harga barang tetap akan

naik," katanya.

Semalam, akhbar ini melaporkan bahawa harga barangan dijangka meningkat luar biasa menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri pertengahan bulan depan ekoran manipulasi harga pihak pembekal, mainan orang tengah dan kenaikan kos makanan ternakan.

Para peniaga di seluruh negara yang ditemui meramalkan, jika trend peningkatan harga sekarang berterusan, tidak mustahil menjelang hari raya orang ramai terpaksa berbelanja lebih daripada biasa untuk barangan keperluan.

Malah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak menolak kemungkinan pembabitin kartel menyebabkan berlaku kenaikan harga ayam ketika ini.

RM1.50 CUMULATIVE INCREASE

DRESSED CHICKEN COSTLIER

Poultry traders claim that price hikes driven by farms have led to fewer purchases by customers

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE price of fresh chicken in the Klang Valley has increased six times within this month alone, traders claimed.

Poultry sellers said that during the six price changes, cumulatively there was a RM1.50 increase in the price of chicken per kg at wet markets.

The standard price of chicken per kg is now between RM8 and RM9 at wet markets and farmers markets in the Klang Valley.

Poultry seller Noordilla Aida Othman said there were at least two occasions when the prices dipped, but they lasted only a day. She is now selling chicken at RM8.80 per kg at the Selayang wet market.

"On April 1, the price per kg of standard chicken was RM7. The price increased even before the fasting month. The highest price was RM8.40 per kg."

"Customers are always aware of the changes. They now buy less compared with the week before Ramadan."

"Normally people purchased around three to four whole chickens when the price of standard chicken was around RM6 per kg," she told the *New Sunday Times*.

Noordilla, who is in the family business selling poultry and meat, said the price of poultry in previous years had also increased during the month of Ramadan, but not as much as this year.

She said her supplier informed her that the prices had gone up from the farm due to the Ramadan demand.

"Although I have my regular customers, the price hike will hurt both traders and customers during the Covid-19 pandemic."

"I even asked the officer from the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry who did the inspection here about the price surge. I was told it was normal."

"The price increase happened even before the fasting month and it is usually controlled a week before Hari Raya."

Hadi Ahmad, a poultry trader at the Selayang wet market, said a further increase in prices would result in customers cutting down on purchases.

"Currently, I am selling chicken at RM8.30 per kg and just this week, we saw the price increase twice. The profit margin I am seeing now is 50 to 60 sen per kg."

Hadi also noticed that customers were reluctant to buy whole chickens this week, when the price a week before Ramadan was RM7.80 per kg.

"When the fasting month started, the price increased by 60 sen per kg. Just today (yesterday), it increased again by another 30 sen, as informed by my supplier. We cannot let the price go higher than usual because other people need to make a living as well, by selling food (with chicken)," he said.

"Compared with last year, the highest that standard chicken sold for was RM7.50 per kg during festive seasons. The price hike now is very unusual," he said.

Muslim Tairan, who sells ayam kampung (free-range chicken) and old chicken at Pasar Tani Taman Melawati, said business was slower due to the price increase.

"I have been in the business for 20 years, and this is the worst that I have seen (for the business)."

"I was told by the supplier from Kampung Baru that the farms had increased the prices."

He said the price of old chicken had gone up from RM7 to RM9.50 per kg, while ayam kampung had increased from RM12 to RM15.50 per kg.

Mohammad Haizat Mior Muzamin, a poultry seller at Pasar Tani Taman Melawati, said since the price increase, customers bought chicken in much smaller quantities.

"If we are not regulated under the Federal Agricultural Marketing Authority, I believe prices would be higher."

"This is the highest price increase I have seen in years, and it is only the first week of the fasting month."

"Despite the regular price increase, we continue to buy chicken as there is still demand from regular customers, but walk-in buyers now purchase less."

Poultry seller Ashraf Abdul Ghafar said if the price hike continued, he could make only 50 sen in profit per kg to keep the price low for customers.

"Last night (Friday) I was informed by my supplier from Puchong that the price increase today (yesterday) was by 30 sen per kg. Is the ministry monitoring this?"

"Both traders and customers will suffer if the price continues to rise."

"People are aware of the price increase, but they have no choice especially if they need it for their businesses and can't afford to increase the prices of their food."

Checks by the *New Sunday Times* at both the Selayang wet market and Pasar Tani Taman Melawati saw only a few people buying fresh chicken. Several others left after inquiring into the price.

Kamariah Zainal said she had to continue buying from the wet market because of the fresher chicken.

"I have been buying from here for the last 20 years. When the price goes up, I buy less."

"The supermarkets nearby sell it a lot cheaper at around RM7 per kg, but I am not sure if the quality is as good," she said.

Restaurant owner Manju Balan Naidu, 45, said the increase in price had also affected her restaurant.

"Since we have to display the menu, we must continue to offer the food at the published price."

"I hope the government can take swift action to manage this."

In Johor, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry issued 26 notices following the increase in chicken and meat prices since Ramadan began.

Unity, Trade and Consumer Affairs Committee chairman Dr Chong Fat Full said the notices were issued under Section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 to 20 retailers and six chicken wholesalers in Johor Baru.

"We will investigate if there is any element of profiteering."

"From early this year up to yesterday (Friday), 4,165 premises had been inspected involving 3,542 retailers, 518 wholesalers and 105 factories."

Pulai member of parliament and former agriculture and agro-based industry minister Datuk Seri Salahuddin Ayub urged the ministry to address the price issue immediately.

"An urgent meeting should be held with chicken and meat suppliers. We propose that a ceiling price be set."



Noordilla Aida Othman



Hadi Ahmad



Muslim Tairan



Mohammad Haizat Mior Muzamin



Ashraf Abdul Ghafar



Manju Balan Naidu

34,700kg beras seludup dirampas

Rantau Panjang: Sebanyak 34,700 kilogram (kg) beras seludup bernilai RM138,800 dirampas dalam serbuan di sebuah stor di Kampung Bendang Buyung, Tanah Merah, semalam.

Serbuan dilakukan kira-kira jam 3 pagi oleh sepasukan anggota Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) di premis dipercayai dijadikan tempat menyimpan beras seludup dari Thailand.

Timbalan Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA), Asisten Komisioner Sanudin Md Isa berkata, pihaknya yang melakukan intipan mendapati pintu stor ber Kunci selain kehadiran sebuah treler dalam keadaan mencurigakan.

"Seorang lelaki dipercayai pemilik stor terbabit datang menghampiri kawasan berkenaan dan anggota mendekatinya untuk memperke-

nalkan diri sebagai anggota polis.

"Pemeriksaan ke atas treler menemui 564 kampil beras dengan berat 50 kilogram (kg) bagi setiap guni di dalam treler terbabit manakala 130 kampil lagi berada di dalam stor berkenaan.

"Selain itu, pemeriksaan ke atas buku stor mendapati stok beras yang ada melebihi daripada dicatat selain jawapan punca kemasukan

beras daripada pemilik turut meragukan," katanya.

Sanudin berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Serah Tugas Ops Benteng Covid-19 dari PGA9 kepada PGA7 di Markas Taktikal Briged Tenggara, Lubok Stoi di sini, semalam.

Katanya, semua beras, treler, dokumen permit pemin-dahan, invoice berkaitan dan buku stok stor dirampas untuk siasatan lanjut.



SANUDIN (tengah) menunjukkan sebahagian kampil beras yang dirampas, semalam.



Harga sayur naik kerana hujan

KENAikan harga beberapa jenis sayur-sayuran termasuk sawi, salad dan tomato dijangka berlarutan sehingga penghujung April ini berikutan hujan lebat berterusan yang melanda seluruh negara. Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong berkata, tomato sebelum ini dijual kepada pemborong tidak sampai RM1 sekilogram, tetapi kini bertambah lebih RM1 setelah mengambil kira kos pengangkutan dan kos peruncit, ia biasanya dijual kepada pengguna pada harga RM3.50 hingga RM5 sekilogram.

'HARGA TERTINGGI DALAM SEJARAH'

Peniaga, pembeli resah harga ayam naik di luar jangkaan

Oleh Nurulawati Sabri
am@hmetro.com.my

Melaka

"Saya terkejut harga ayam mencecah RM23 seekor. Bagaimanapun, saya terpaksa beli walaupun mahal kerana ia antara menu harian ketika Ramadan," kata Salihah Saleh.

Salihah, 35, berkata, dia ada dinakumkan berkaitan kenaikan harga ayam, namun tidak menjangka ia hampir RM10 sekilogram. "Pihak berkaitan perlu la-

kukan sesuatu bagi mengatasi masalah ini.

"Jangan biarkan harganya terus naik kerana ia membebankan rakyat," katanya ditemui di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Bachang di sini, semalam.

Tinjauan Metro Ahad mendapati harga ayam segar dijual RM9.50 sekilogram berbanding RM8 sebelum ini.

Seorang lagi pembeli, Norma Bachik, 52, berkata, sekiranya ia berterusan sehingga Aidilfitri, ia pasti membebankan kewangan

orang ramai.

"Disebabkan hendak makan, saya terpaksa beli.

"Tidak mustahil harganya akan meningkat," katanya yang juga suri rumah.

Peniaga ayam, Hamzah Othman berkata, kenaikan harga ayam yang mencecah RM9.50 sekilogram antara yang tertinggi sepanjang 30 tahun dia berniaga.

"Boleh dikatakan, harga bagi tahun ini paling tinggi, ia sejarah sepanjang saya berniaga. Sebelum ini, sepanjang Ramadan tidak seperti ini.

"Harap jangan naik lagi,

peniaga juga bimbang kerana ada yang tidak faham dan menyalahkan peniaga sedangkan harga datang daripada pembekal," katanya.

Menurutnya, bukan setakat ayam, malah harga barangan keperluan lain turut naik.

Sementara itu, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri Norena Jaafar berkata, harga ayam hanya dikawal pada Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) memandangkan ia bukan barang kawalan.

Pemborong ayam diberi notis

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan 26 notis susulan kenaikan harga ayam dan daging sejak awal Ramadan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Johor Dr Chong Fat Full berkata, notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan membabitkan 20 peniaga runcit dan enam pemborong ayam di pasar awam sekitar bandar raya ini.

"Ia bagi siasatan lanjut untuk mendapatkan maklumat kenaikan harga yang berlaku dan mengesan sekiranya wujud sebarang elemen pencatutan.

"Berdasarkan rekod, dari awal tahun sehingga semalam, sebanyak 4,165 premis diperiksa meliputi 3,542 peruncit, 518 pemborong dan 105 pengilang.

"Susulan daripada pemeriksaan ini, sebanyak 124 notis dikeluarkan mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sementara itu, bekas Menteri Pertanian dan In-

124

Jumlah notis dikeluarkan KPDNHEP mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011

dustri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama KPDNHEP mengatasi isu kenaikan harga ayam dan daging segar.

"Mengadakan pertemuan dengan pembekal ayam dan daging supaya dapat mendengar pandangan mereka, selain dari segi pengiraan boleh dibuat pegawai di pihak Kementerian.

"Kita mengesyorkan satu harga syiling yang boleh dilaksanakan. Perlu juga mengadakan perbincangan dengan KPDNHEP," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke pasar basah Larkin di sini, semalam.

Difahamkan, ketika ini, ayam dijual pada harga RM9.20 sekilogram (kg), daging lembu tempatan RM40/kg, daging import RM25/kg, manakala kambing pula RM50/kg.



SALAHUDDIN (kanan) melihat harga semasa ayam ketika mengadakan lawatan ke Pasar Basah Larkin, semalam.

18/4/2021

BERITA
HARIAN
AHAD

NASIONAL

18

Hujan berterusan jejas bekalan sayur

Kuala Lumpur: Hujan berterusan setiap hari sehingga menjejaskan pengeluaran sayur-sayuran di kebun menjadi faktor utama harga bekalan itu meningkat di pasaran.

Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid, berkata peningkatan harga itu tiada hubungkait dengan musim perayaan kerana ia adalah disebabkan cuaca semata-mata.

Katanya, dalam tempoh dua minggu ini, cuaca tidak menentu menyebabkan petani tidak dapat mengeluarkan sayur-sayuran yang mencukupi.

"Keadaan ini menyebabkan harga sayur-sayuran meningkat berkali ganda sekurang-kurangnya hingga pertengahan Jun ini. Dahulu, harga sekilogram tomato dalam RM1.20, hari ini RM3.20 dan mungkin minggu depan boleh cecah harga RM6 sekilogram.

"Jika cuaca berterusan begini, harga sayur-sayuran akan melambung tinggi," katanya ketika dihubungi, semalam.

Syed Abd Rahman berkata, jika sayur-sayuran yang ditanam di bawah rumah perlindungan hujan (RPH), harganya jauh lebih tinggi daripada yang tiada perlindungan.

"Ini memandangkan sayur-sayuran di bawah RPH dalam keadaan baik berbanding ditanam di luar yang kebanyakannya rosak teruk.

"Bagi kami, petani di Cameron Highlands, tiga bulan yang lalu kami memang tidak banyak untung, tetapi dalam tempoh dua bulan ini, harga sayur-sayuran melorjak naik di sini. Kenaikan harga ini tiada sebarang kaitan dengan tindakan mengambil kesempatan," katanya.



Salahuddin ketika membuat tinjauan di pasar awam Larkin, Johor Bahru, semalam.

(Foto Nurul Amanina Suhaini/BH)

Peniaga, pemborong dapat 26 notis naik harga ayam

KPDNHEP Johor siasat wujud elemen pencatutan

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengeluarkan 26 notis susulan kenaikan harga ayam dan daging, bagi tempoh lima hari sejak awal Ramadan Selasa lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Johor, Dr Chong Fat Full, berkata notis mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan membatikan 20 peniaga runcit dan enam pemborong ayam di pasar awam sekitar bandar raya.

"Ia bagi siasatan lanjut untuk mendapatkan maklumat kenaikan harga yang berlaku dan mengesan sekiranya wujud sebarang elemen pencatutan.

"Berdasarkan rekod, dari awal tahun sehingga semalam, sebanyak 4,165 premis diperiksa meliputi 3,542 peruncit, 518 pemborong dan 105 pengilang.

"Susulan daripada pemerik-

saan ini, sebanyak 124 notis dikeluarkan mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Ahli Parlimen Pulai yang juga bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama KPDNHEP mengatasi isu kenaikan harga ayam dan daging segar.

"Bekalan protein yang mampu milik oleh rakyat antaranya ayam, daging import dan daging tempatan sememangnya menjadi keperluan rakyat.

"Adalah wajar mengadakan pertemuan segera dengan pem-

bekal ayam dan daging supaya dapat mendengar pandangan mereka. Kita mengesyorkan satu harga syiling yang boleh dilaksanakan.

"Perlu juga mengadakan perbincangan dengan KPDNHEP. Ini penting sebab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hanya dapat menyediakan kecukupan barangan keperluan rakyat, manakala KPDNHEP yang melaksanakan penguatkuasaan harga ini," katanya di sini, semalam.

Difahamkan, ketika ini, ayam dijual pada harga RM9.20 sekilogram (kg), daging lembu tempatan RM40/kg, daging import RM25/kg, manakala kambing pula RM50/kg.

Pihak berkuasa diminta kawal harga barang

Melaka: "Saya terkejut harga ayam mencecah RM23 sekor, tetapi terpaksa beli walaupun mahal kerana ia antara menu harian ketika Ramadan," kata Salihah Saleh.

Salihah, 35, berkata dia ada dimaklumkan kenaikan harga ayam namun tidak menjangka ia hampir RM10 sekilogram, sekali gus memerlukan pihak berkuasa berkaitan melakukan sesuatu bagi mengatasi masalah berkenaan.

"Jangan biarkan harganya terus naik kerana ia membebankan," katanya ketika ditemui di Pasar Besar Majlis Bandaraya

Melaka Bersejarah (MBMB) Bachang di sini, semalam.

Tinjauan mendapati harga ayam segar dijual RM9.50 satu kilogram berbanding RM8 sebelum ini.

Seorang lagi pembeli, Norma Bachik, 52, berkata sekiranya kadar harga demikian berterusan sehingga Aidilfitri, ia pasti membebankan kewangan orang ramai.

"Disebabkan hendak makan, saya terpaksa beli. Tidak mustahil harganya akan meningkat," katanya yang juga suri rumah.

Peniaga ayam, Hamzah Othman, berkata kenaikan harga

Boleh dikatakan, harga bagi tahun ini paling tinggi, ia sejarah sepanjang berniaga. Sebelum ini, sepanjang Ramadan tidak seperti ini.

Hamzah Othman,
Peniaga ayam



ayam yang mencecah RM9.50 sekilogram antara yang tertinggi sepanjang 30 tahun dia berniaga.

"Boleh dikatakan, harga bagi tahun ini paling tinggi, ia sejarah sepanjang saya berniaga. Sebelum ini, sepanjang Ramadan tidak seperti ini. Harap jangan naik lagi, peniaga juga bimbang kerana ada yang tidak faham dan menyalahkan peniaga sedangkan harga datang daripada pembekal," katanya sambil menambah, harga barangan keperluan lain turut naik.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Peng-

guna Melaka, Norena Jaafar berkata, harga ayam hanya dikawal pada Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) kerana ia bukan barang kawalan, namun pihaknya terus melakukan pemantauan setiap hari bagi memastikan tidak berlaku kenaikan yang tinggi.

"Kami turut mengeluarkan dua notis kepada peniaga ayam di Jasin membatikan harga. Pembeli mempunyai pilihan sama ada untuk membeli ayam segar di pasar awam atau mendapatkannya di pasar raya yang menawarkan harga lebih rendah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2021	BERITA HARIAN AHAD	MUKA DEPAN	1

Segerakan skim lindungi pendapatan petani, nelayan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas beberapa kali tertangguh, kerajaan diminta menyegerakan skim perlindungan insurans khusus untuk petani, penternak dan nelayan yang berdepan risiko kerugian atau hilang pendapatan, terutama disebabkan bencana alam seperti banjir.

Desakan itu dibuat beberapa persatuan yang mewakili komuniti agrotani yang berpendapat sudah tiba masa Malaysia mempunyai skim perlindungan insu-

 **Kerajaan memperuntukkan RM80 juta bagi membantu pesawah, petani dan penternak yang kehilangan hasil akibat bencana alam di bawah RMKe-12**

Dr Ronald Khandee,
Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani

rans bagi menjaga kebajikan penggiat sektor pertanian.

Ketika ini, belum ada syarikat insurans di negara ini menawarkan polisi insurans untuk sektor pertanian, sedangkan negara pertanian lain seperti Vietnam, Filipina, Indonesia, India dan China sudah mempunyai kemudahan berkenaan.

Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSA-WAH), Abdul Rashid Yob, berkata skim perlindungan insurans untuk sektor agrotani adalah penting kerana penggiat sektor tani sering berdepan pelbagai

musibah seperti banjir, kemarau dan serangan penyakit.

Katanya, menjadi tanggungjawab kerajaan mengurus dan menjaga kebajikan petani sebagai penggiat utama dalam pengeluaran hasil makanan negara.

"Jika kebajikan petani dipinggirkan, ia akan memberi kesan domino atau menjejaskan rantaian pembekalan, keselamatan serta kedaulatan makanan negara," katanya ketika dihubungi BH.

Nasional 3

Sukar kumpul data lengkap petani kekangan utama

Salahuddin akui usaha wujud skim insurans kesinambungan diteruskan kerajaan terdahulu

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub mengakui kesukaran Kementerian yang diterajunya selama kira-kira dua tahun untuk mengumpul data lengkap petani dan nelayan bagi membangunkan skim perlindungan insurans agrotani.

Beliau yang memegang jawatan berkenaan mulai Mei 2018 hingga Februari 2020, berkata data berkenaan penting bagi mengenal pasti status dan butiran petani, penternak dan nelayan, sama ada mereka layak atau sebaliknya.

Katanya, usaha mewujudkan kemudahan insurans itu adalah kesinambungan yang diteruskan daripada kerajaan terdahulu.

"Antara cabaran saya hadapi ketika di Kementerian dahulu adalah untuk mendapatkan data lengkap petani dan nelayan. Ia merangkumi data yang tepat jumlah pesawah, berapa hektar kawasan dan hasil jualan mereka.

"Perlu ada data lengkap untuk pastikan mereka ini layak diberi perlindungan, mengambil kira sejarah atau pengalaman kerugian, misalnya akibat banjir, kemarau, ribut, serangan penyakit dan serangan," katanya ketika dihubungi BH.

Beliau mengulas desakan beberapa persatuan yang mewakili komuniti agrotani bahawa tiba masanya Malaysia mempunyai skim perlindungan insurans bagi membantu kebajikan penggiat sektor pertanian.

Ketika ini, belum ada syarikat insurans di negara ini menawarkan polisi insurans untuk sektor pertanian, sedangkan negara pertanian lain seperti Vietnam, Filipina, Indonesia, India dan China sudah mempunyai kemudahan berkenaan.

Selepas beberapa kali tertangguh, persatuan terbahit mahu kerajaan menyegerakan skim insurans pertanian kerana mereka sering berdepan risiko kerugian atau hilang pendapatan, terutama disebabkan bencana alam seperti banjir dan kemarau serta serangan penyakit.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, cabaran lain bagi me-

nayakan skim insurans itu ialah ada syarikat insurans tidak memberi perlindungan kepada petani atau nelayan yang mengalami kerugian pada skala besar.

"Contohnya, pesawah yang mempunyai keluasan bidang kurang 0.4 hektar juga kemungkinan berdepan masalah dari segi kelayakan menerima perlindungan daripada syarikat insurans," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kos untuk membangunkan infrastruktur skim insurans berkenaan juga menelan belanja sehingga ratusan juta ringgit.

Ketika menjadi menteri portfoli terbahit, Salahuddin pada Julai 2018, dilaporkan berkata, cadangan untuk memperkenalkan skim insurans perlindungan untuk petani dijangka dimuktamadkan hujung Julai tahun itu, selepas mengambil kira kemajuannya yang sudah mencecah 75 peratus ketika itu.

Mekanisme sama kawal kenaikan harga makanan

Pasir Mas: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan masih mengekalkan mekanisme dan dasar sama seperti sebelum ini dalam mengawal kenaikan harga makanan di pasaran, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Beliau berkata, keadaan terutama ketika berdepan pandemik COVID-19 ketika ini, bagaimanapun mendorong berlakunya kenaikan harga barangan yang disebabkan oleh faktor lain.

"Suasana pada masa dahulu sangat berbeza dengan suasana masa sekarang. Saya tidak nampak dasar masa itu dan dasar masa sekarang berbeza dari segi kawalan harga makanan," katanya ketika ditemui pemberita sempena lawatan ke Perusahaan Arnab, di sini semalam.

Che Abdullah mengakui harga barang di pasaran sentiasa meningkat akibat inflasi dan beberapa faktor, antaranya disebabkan kos pengangkutan dan makanan haiwan ternakan.

Beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Berkaitan bagi mengatasi kenaikan harga makanan seperti ayam, sayur dan barangan makanan lain.

"Kementerian juga berharap tidak ada pihak memanipulasi atau mengambil kesempatan pada musim ini untuk mencari keuntungan," katanya.

Sementara itu, Che Abdullah berkata, bekalan daging sepanjang tempoh Ramadan hingga Aidilfitri adalah mencukupi dengan bekalan daging lembu atau kerbau diperolehi daripada sumber penyembelihan tempatan bagi daging segar, manakala sumber import bagi daging sejuk beku.

"Dianggarkan bekalan daging untuk Aidilfitri adalah sebanyak 36,000 tan, iaitu sebanyak 27,000 tan sumber daging import dan 9,000 tan daging segar tempatan," katanya. BERNAMA

Persatuan mahu realisasi segera skim

Dari Muka 1

Cadangan memperkenalkan skim insurans berkenaan dibuat ketika pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN), disusuli ketika pentadbiran Pakatan Harapan (PH) bermula 2018 hingga awal 2020.

Ia kembali dicadangkan di bawah kerajaan Perikatan Nasional (PN) menerusi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr Ronald Kl-andee pada 12 Mac lalu.

Ronald juga dipetik berkata, oleh kerana ketiadaan insurans pertanian, kerajaan terpaksa memperuntukkan RM90 juta di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan bagi membantu pesawah, petani dan penternak yang kehilangan hasil akibat bencana alam di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), iaitu angka amat besar yang harus ditanggung kerajaan saban tahun.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, meskipun berlaku perubahan pentadbiran atau pertukaran menteri bertanggungjawab terhadap sektor berkenaan, inisiatif untuk menjaga kepentingan kumpulan yang terbahit secara langsung dalam rantaian bekalan makanan negara perlu diberi keutamaan.

"Kami sebagai pesawah berdepan banyak masalah, bukan sahaja kerenah birokrasi

dalam agensi kerajaan tertentu, malah juga di lapangan termasuk tanam diserang penyakit dan makhluk perosak serta ancaman perubahan cuaca setiap tahun sehingga menjejaskan hasil serta pendapatan," katanya.

Penasihat Kehormat Persatuan Penternakan Ayam Negeri Selangor, Datuk Ishak Mat Arif turut bersependapat dan mahu pelaksanaan skim insurans berkenaan direalisasikan dalam masa terdekat.

Beliau berkata, pengusaha penternakan ayam sentiasa berdepan risiko dan memerlukan sokongan kewangan sebagai persediaan sekiranya berlaku sesuatu di luar jangka.

Insurans menyeluruh untuk sektor tani adalah jalan terbaik dan perlu dipercepatkan kerana ia sebagai satu jaminan untuk penternak bergiat lebih aktif

Ishak Mat Arif,
Penasihat Kehormat
Persatuan
Penternakan Ayam
Negeri Selangor



"Kita tak ada insurans penyakit ternakan. Kalau ada pun, insurans untuk reban ayam dan itu pun agak terpilih, bukan semua polisi insurans ada (lindungan ternakan).

"Kalau kena bencana, kami terpaksa tanggung kerugian sangat besar. Contohnya, kalau bencana seperti penyakit, kerugian terpaksa ditanggung bukan sedikit dan ayam boleh mati. Kalau kena penyakit, ayam dalam satu reban boleh mati," katanya.

Sehubungan itu, katanya, insurans menyeluruh untuk sektor tani adalah jalan terbaik dan perlu dipercepatkan kerana ia sebagai satu jaminan untuk penternak bergiat lebih aktif.

Bagi Presiden Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekubun Kecil Malaysia (PKPKM), Datuk Aliasak Ambia, penularan wabak COVID-19 yang menjejaskan banyak sektor ekonomi termasuk pertanian, wajar menjadi batu loncatan kepada pelaksanaan skim perlindungan insurans agrotani.

"Skim perlindungan insurans untuk petani ini satu langkah yang amat baik dan saya sangat berharap ia tidak tertangguh lagi. Impak pandemik COVID-19 terhadap pelbagai sektor perlu dijadikan dorongan kuat untuk kerajaan mempercepatkan lagi skim insurans ini," katanya.

Sementara itu, sumber indus-

tri berkata, penyediaan skim perlindungan insurans untuk penggiat sektor pertanian dan agromakanan 'bergerak' perlahan-lahan pada tahap antara 20 hingga 30 peratus atau masih pada peringkat pengumpulan data golongan sasaran.

"Ia tertangguh disebabkan kesukaran mendapatkan butiran penggiat sektor pertanian atau tiada data lengkap mengenai golongan sasaran.

"Data lengkap ini perlu di analisis terlebih dahulu sebelum dibawa ke peringkat seterusnya, iaitu sesi rundingan dengan syarikat insurans," katanya.

Sumber berkata, pelbagai data diperlukan untuk mewujudkan skim insurans seperti itu, antaranya bilangan petani di negara ini, keluasan kawasan pertanian, jenis bencana, kekerapan berlaku bencana dan anggaran kos kerugian.

Beliau berkata, isu caruman juga penting iaitu sama ada dicarum oleh kumpulan sasaran sendiri, kerajaan atau ada peruntukan subsidi yang disediakan.

"Skop perlindungan juga perlu diperinci dan diperjelaskan, bukan sahaja mereka yang menghadapi masalah kerosakan tanaman akibat banjir atau kemarau, malah turut meliputi hasil tanaman rosak akibat serangan serangga atau penyakit, misalnya bena perang ke atas tanaman padi," katanya.

Kementerian juga berharap tidak ada pihak memanipulasi pada musim ini untuk mencari keuntungan

Che Abdullah
Mat Nawi,
Timbalan Menteri
Pertanian dan
Industri Makanan II



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2021	KOSMO AHAD	PANORAMA	30

Pertanian mampu jana pendapatan lumayan

MOHD. NASIR percaya, penglibatan golongan muda terutama graduan dalam sektor pertanian memberi gambaran bahawa ia mempunyai masa depan untuk terus berkembang.



JABATAN Pertanian ditubuhkan dalam tahun 1905. Tugas utama Jabatan Pertanian pada masa itu adalah untuk melaksanakan dasar pertanian yang telah digariskan oleh kerajaan. Di peringkat awal, usaha Jabatan Pertanian hanya tertumpu kepada penyelidikan tanaman, menyediakan pakar teknikal kepada pengusaha ladang serta perkhidmatan pengembangan kepada pekebun kecil.

Walaupun jabatan itu bertanggungjawab memajukan semua tanaman ekonomi berpotensi, ia turut menjalankan aktiviti penting iaitu membangunkan perusahaan getah. Menyedari peningkatan permintaan industri getah, kerajaan berasa perlu aktiviti penyelidikan getah diletakkan di bawah bumbung berasingan. Hasilnya, Institut Penyelidikan Getah Malaya ditubuhkan dalam tahun 1926.

Selepas negara mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, Jabatan pertanian telah berkembang dengan pesat dan diperkukuhkan.

Ia terlibat sepenuhnya dalam bidang penyelidikan, menyediakan khidmat pengembangan dan pemasaran serta pembangunan pertubuhan peladang.

Bagaimanapun, dengan tertubuhnya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Pertanian telah disusun semula.

Ia menumpukan peranan dalam memberikan khidmat pengembangan terutamanya kepada petani.

Bagi membincangkan lebih lanjut mengenai perkara itu, wartawan **Kosmo! Ahad**, Zubaidah Ibrahim menemui bual Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Mohd. Nasir Warris di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini.

KOSMO! AHAD: Sebagai pengenalan, boleh Datuk jelaskan mengenai tugas dan peranan asas Jabatan Pertanian?

MOHD. NASIR: Selepas melalui sejarah yang panjang, tugas dan peranan Jabatan Pertanian berkembang luas dan menyeluruh dengan tertubuhnya beberapa badan khas supaya tumpuan dapat diberikan sepenuhnya untuk memajukan industri pertanian.

Kami juga memikul tanggungjawab besar dalam usaha memajukan industri pertanian negara dengan mempercepatkan transformasi pertanian kepada sektor masa kini yang moden, dinamik dan komersial.

Jabatan Pertanian juga memberi khidmat perundingan dan sokongan teknikal, melindungi industri pertanian, menjamin keselamatan makanan serta alam sekitar.

Selain itu, kami juga bergiat aktif

dalam forum, hubungan dua hala dan kerjasama teknikal antarabangsa serta mempertingkatkan pembangunan sumber manusia.

Bagaimana tahap perkembangan teknologi pertanian di negara ini dan nyatakan antara inovasi teknologi dibangunkan oleh Jabatan Pertanian?

Jika dilihat daripada aspek pengamalan teknologi pertanian di Malaysia, kita masih lagi berada di tahap sederhana.

Namun, banyak yang telah kita capai seperti memperkenalkan varieti baharu buah-buahan bagi memastikan kualitinya lebih baik berbanding sebelum ini.

Selain itu, dalam memastikan keperluan makanan mencukupi, kami sentiasa meneroka teknologi terkini untuk disesuaikan serta diaplikasikan oleh petani atau usahawan tani.

Antara teknologi yang diperkenalkan adalah fertigasi pintar, nutrient film technique (NFT), akuaponik dan plant factory dalam penanaman sayuran.

Kami membangunkan satu model plant factory di Kompleks Pertanian Serdang, Selangor sebagai contoh dan rujukan kepada petani atau pengusaha berminat untuk mengusahakan tanaman bertingkat dalam persekitaran terkawal.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-11, Jabatan Pertanian menerima peruntukan sebanyak RM4.3 juta bagi program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan.

Melalui program ini, sebanyak 149 prototaip inovasi pertanian dibangunkan dan sebanyak 961 fabrikasi dibuat serta diedarkan untuk kegunaan petani.

Antara alat yang dicipta adalah mesin pengupas sabut kelapa, alat penebuk kelapa muda, alat pemproses minyak kelapa dara, alat pembuka durian, mesin pengasing biji dan isi durian, alat pembantu pendebungaan durian belanda, alat menuai cili api, mesin perelai

“Antara alat yang dicipta adalah mesin pengupas sabut kelapa, alat penebuk kelapa muda, alat pemproses minyak kelapa dara, alat pembuka durian, mesin pengasing biji dan isi durian, alat pembantu pendebungaan durian belanda, alat menuai cili api, mesin perelai jagung, smart kelulut hives dan mesin pengering madu kelulut.”



jaagus, smart kelulut hives dan mesiri pengering madu kelulut.

Boleh Datuk jelaskan perkembangan industri pertanian di negara ini adakah menunjukkan peningkatan positif dan sebaris dengan negara-negara lain?

Industri pertanian di negara ini semakin berkembang maju dan menunjukkan peningkatan positif saban hari.

Ia dapat dinilai menerusi kedudukan Malaysia yang berada di tempat kedua selepas Singapura dalam kalangan negara ASEAN dalam laporan Indeks Keselamatan Makanan Global.

Di samping itu, pengeluaran sayur-sayuran tropika mencapai lebih 100 peratus (tahap sara diri) kecuali cili merah dan kubis bulat. Bagi buah-buahan tropika pula, negara juga mencapai 100 peratus (tahap sara diri) kecuali mangga.

Lebihi pengeluaran hasil pertanian terutama tanaman tomato, tembikai, durian, betik, dan buah-buahan tropika lain di eksport bagi merancakkan lagi industri pertanian.

Ia adalah menjadi harapan kami mengeksport sebanyak mungkin hasil pertanian negara.

Pihak kami turut mempergiatkan usaha untuk mengatasi masalah kekurangan cili dengan menggunakan kaedah fertisasi serta ladang pinter.

Selain itu, kami juga sedang membuat kajian awal untuk penanaman kubis tanah rendah ekoran kekurangan kawasan pertanian tanah tinggi di Cameron Highlands.

Bagaimana penglibatan golongan belia dalam industri pertanian, adakah menunjukkan perkembangan positif?

Bidang pertanian sudah berubah dan bukan lagi pekerjaan dilakukan secara tradisional seperti zaman dahulu, sebaliknya menggunakan mesin serta teknologi tinggi.

Oleh itu, pertanian masa kini yang canggi memikat hati golongan muda untuk

HARAPAN Jabatan Pertanian agar negara boleh mengeksport sebanyak mungkin hasil pertanian negara. — GAMBAR HIASAN

MENURUT Mohd. Nasir, pihaknya akan pastikan sumber makanan sentiasa mencukupi, mampu milik dan berkhasiat.



dijadikan pekerjaan, apatah lagi ia memberikan pulangan yang lumayan.

Golongan muda yang mengusahakan tanaman bukan sahaja terdiri daripada latar belakang pengajian pertanian, tetapi pelbagai bidang pendidikan.

Bagi menggalakkan lebih ramai generasi muda menceburi bidang Pertanian, kerajaan memperkenalkan pelbagai insentif seperti program Agropreneur Muda.

Boleh Datuk ulas bagaimana industri pertanian menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara?

Dalam keadaan pandemik Covid-19 yang melanda dunia ketika ini, sebahagian besar perusahaan menunjukkan penurunan, tetapi sebaliknya sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan positif.

Peningkatan sumbangan KDNK sub-sektor agromakanan didorong oleh faktor pertambahan permintaan domestik dan perluasan pasaran eksport hasil pertanian negara.

Apakah cabaran perlu ditempuh oleh Jabatan Pertanian dalam membangunkan industri pertanian?

Dalam usaha membangunkan industri pertanian negara, terdapat pelbagai cabaran perlu ditangani bagi memastikan sektor ini sentiasa kekal berdaya saing di peringkat domestik dan antarabangsa terutama di era pasaran dunia terbuka.

Antara cabaran adalah kekurangan tanah pertanian bersesuaian untuk pengeluaran makanan, begitu juga penggunaan teknologi di tahap sederhana kerana memerlukan kos lebih tinggi.

Sektor agromakanan terus terkesan dengan persaingan penggunaan tanah untuk tujuan urbanisasi seperti pembangunan kawasan industri, kediaman atau bangunan komersial di atas tanah pertanian.

Seterusnya, pertanian di Malaysia juga banyak bergantung kepada input diimport seperti benih, baja dan racun makhluk perosak.

Justeru, ketergantungan kepada input yang diimport menyebabkan kos pengeluaran perlu

ditanggung oleh petani meningkat.

Di samping itu, petani hanya memilih tanaman boleh mendatangkan pulangan besar dengan keluasan tanah dimiliki.

Hanya tanaman tertentu sahaja diusahakan hingga negara kekurangan beberapa produk pertanian seperti bawang dan ubi kentang dan terpaksa mengimportnya.

Nyatakan antara projek yang dilaksanakan mempunyai impak tinggi dalam menyumbang kepada sektor pertanian?

Dalam mendepani dunia globalisasi dan terikat dengan perjanjian dagangan bebas, kita perlu berdaya saing dengan meningkatkan produktiviti agar setanding produk-produk keluaran negara lain.

Sehubungan itu, pelbagai projek telah dirancang untuk tujuan tersebut.

Pada masa sama, memastikan rakyat dapat menikmati hasil pertanian pada harga rendah tanpa menjejaskan pendapatan petani.

Antara projek itu ialah Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Pensijilan myGAP dan myOrganic serta Program Pertanian Bandar.

Kami juga bertanggungjawab memastikan hasil tanaman selamat untuk dimakan tanpa sisa racun.

Perkara itu dilaksanakan menerusi projek Pensijilan myGAP dengan memberi tumpuan pengurusan perosak bersepadu yang menyokong kepada kaedah kawalan seperti penggunaan burung pungguk jelapang dalam kawalan tikus di sawah padi.

Ia penting untuk memberi keyakinan kepada rakyat dan negara pengimport bahawa hasil tanaman keluaran Malaysia selamat dimakan.

Apakah perancangan Jabatan Pertanian pada masa akan datang?

Kami akan terus menerajui pengeluaran makanan negara secara mampan melalui Amalan Pertanian Baik dan penggunaan teknologi di setiap peringkat pengeluaran.

Ini bagi memastikan makanan sentiasa tersedia, mampu milik, mencukupi serta berkhasiat kepada rakyat Malaysia yang dijangka berjumlah 41.5 juta orang pada 2040.

Kami juga ingin mempergiatkan lagi aktiviti pengeksportan bagi mencipta lebih banyak peluang pekerjaan pada masa hadapan.

Sektor agro makanan jadi penyumbang penting kepada pendapatan negara. Maka, aktiviti pengeksportan akan diperluaskan dengan memberi penekanan kepada buah-buahan dan sayuran tropika.

Sehubungan itu, kami telah mengadakan kerjasama strategik dengan Persatuan Penanaman Buah-buahan Malaysia dan Persatuan Penanaman Sayur-sayuran Malaysia. Ia bagi memudahkan mereka mengeksport produk pertanian yang dihasilkan.

Bidang pertanian sudah berubah dan bukan lagi pekerjaan dilakukan secara tradisional seperti zaman dahulu, sebaliknya menggunakan mesin serta teknologi tinggi. Oleh itu, pertanian masa kini yang canggi memikat hati golongan muda untuk dijadikan pekerjaan, apatah lagi ia memberikan pulangan yang lumayan."

Man fined RM10,000 for killing and eating pet dog

KOTA KINABALU: A villager, who killed his pet dog for meat, was slapped with a RM10,000 fine or four months' jail by the Sessions Court here.

Martin Fredoline Dunong @ Martine, 46, pleaded guilty to a charge of cruelty to animals.

For clubbing his pet dog to death at a house in Kampung Dumbai, Penampang, near here, between 4pm and 6pm on Sept 29, 2019, he was charged under Section 18(1)(e) of the Animal Welfare Enactment 2015, which carries a maximum fine of RM100,000, a jail term of three years or both, upon conviction.

After sentencing on Friday, Sessions Court judge Elsie Primus told Dunong that his act against his pet was cruel.

However, she said as he was a first-time offender, she decided to impose a fine, and advised him to take good care of his pets, and not kill them for meat.

Dunong was investigated by the Sabah Veterinary Services Department after a 10-second video clip of him killing the dog went viral, following a police report that was lodged on Oct 29, 2019.

The court was told that during investigations, Dunong had asked two friends to tie his dog by the neck before it was clubbed.

Dunong and his two friends ate the dog the next day.

It could not be ascertained if he paid the fine.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2021	BERITA HARIAN AHAD	NASIONAL	14

Maritim Malaysia rampas 28 set bubu naga di Kuala Kuar

Alor Setar: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kuala Kedah merampas 28 set bubu naga di perairan Kuala Kuar, kira-kira satu batu nautika dari Kuala Kedah, awal pagi semalam.

Pengarah Zon Maritim Malaysia Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak, berkata tindakan itu dibuat dalam pemeriksaan selepas pihaknya menerima aduan orang awam berhubung aktiviti dan penggunaan bubu naga yang aktif di perairan negeri berkenaan.

Katanya, rondaan rutin pihaknya berjaya mengesan aktiviti

berkenaan melalui penemuan pancang penanda yang dipasang bubu naga berukuran lebih kurang 10 meter panjang di beberapa lokasi berbeza sepanjang perairan Kuala Kuar pada jam 1 pagi.

"Hasil pemeriksaan mendapati semua bubu yang dianggarkan bernilai RM3,360 dirampas dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk disiasat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985," katanya.

Minggu lalu, *BH* melaporkan penggunaan bubu naga yang diharamkan dua tahun lalu dikesan masih berleluasa di perairan

negara khususnya di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

Difahamkan, ribuan nelayan pesisir pantai masih bergantung kepada bubu naga kerana tidak perlu melalui proses rumit untuk memasang pukot atau menunggu.

Jabatan Perikanan merampas 3,039 bubu naga bernilai RM182,340 pada 2019 dan 2,346 rampasan (RM211,140) tahun lalu, manakala Maritim Malaysia merampas 3,997 set bubu naga dengan nilai rampasan dianggarkan RM427,380 sejak 2018 hingga Januari lalu.



Antara bubu naga yang dirampas di Kuala Kuar, Kuala Kedah, semalam. (Foto: Ihsan Maritim Malaysia)

'LADANG' ARNAB SEKITAR RUMAH

Antara haiwan cepat membiak, tidak mudah dijangkiti penyakit sekali gus mudah ditenak

AGRO

Teks dan foto Mohd Amin Jalli
rencana@hmetro.com.my

Siapa sangka, arnab yang mulanya dipelihara untuk suka-suka sebagai hobi pada 2018, kini berubah menjadi sumber pendapatan utama buat Mohd Fadil Baharuddin, 50. Malah, apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan sejak 18 Mac tahun lalu yang menjejaskan sumber pendapatannya sebagai pengedar jus kurma, penternakan arnab menjadi penyambung rezekinya.

Mohd Fadil berkata, dia bermula dengan hanya memiliki empat ekor arnab termasuk tiga daripadanya baka induk.

Kini, ternakan arnabnya sudah lebih 200 ekor meliputi jenis arnab pedaging dan hiasan yang diletakkan dalam 100 sangkar.

Dia turut menjadikan kawasan sekitar rumah lot tepi di Taman Rasa Sayang Senawang Negeri Sembilan, sebagai 'ladang' menternak arnab daging secara komersial.

Mohd Fadil berkata, arnab antara haiwan yang cepat membiak dan tidak



TERNAKAN arnab diusahakan di kawasan rumah

mudah dijangkiti penyakit sekali gus memudahkan ia ditenak.

Katanya, walaupun pernah mengalami kerugian hampir RM10,000 apabila lebih 200 ekor

haiwan itu dibaham anjing liar dalam tiga kejadian berasingan tahun lalu, ia tidak sesekali mematahkan semangatnya.

"Permintaan terhadap daging arnab sentiasa bertambah dan kadangkala ia tidak mampu dipenuhi kerana ada

peniaga yang membuat tempahan dari luar Negeri Sembilan.

"Setakat ini, saya mempunyai lebih 100 pelanggan tetap yang memerlukan bekalan daging segar dan sejuk beku antara lima hingga 10 kilogram (kg) sebulan.

"Harga bagi sekilogram daging arnab bersih adalah RM35 manakala sejuk beku RM45," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Menurut bapa kepada lima anak berusia antara 10 hingga 25 tahun itu lagi, selain menjual daging segar, dia juga membekalkan baka atau anak arnab berumur dua bulan dengan harga antara RM80 hingga RM150 seekor.

Kata Mohd Fadil, arnab yang ditenak membabitkan beberapa jenis antaranya baka Parsi dan Anggora yang berumur sebulan setengah ke atas.

Secara keseluruhan, kos perbelanjaan sekitar RM500 sebulan untuk makanan palet, tetapi dengan penggunaan daun segar dan semula jadi sebagai makanan tambahan, ia dapat mengurangkan kos yang perlu ditanggung

MOHD FADIL



HASIL ternakan arnab Mohd Fadil mendapat permintaan tinggi termasuk dari luar Negeri Sembilan

TERNAKAN BERSIFAT ORGANIK

Daging lebih baik, antibodi kuat jika diberi makan daripada sumber semula jadi

DARI MUKA 35

"Walaupun arnab tidak begitu sukar ditenak berbanding haiwan lain, cabarannya tetap ada.

"Antaranya ialah kos makanan dan aspek keselamatan arnab yang terdedah kepada binatang pemangsa seperti anjing liar.

"Secara keseluruhan, kos perbelanjaan sekitar RM500 sebulan untuk makanan palet, tetapi dengan penggunaan daun segar dan semula jadi sebagai makanan tambahan, ia dapat mengurangkan kos yang perlu ditanggung," katanya.

Jelas Mohd Fadil, arnab yang makan daun tumbuhan semula jadi mempunyai kelebihan terutama dari segi kualiti dagingnya lebih baik dan kenyal.

Katanya, antibodi haiwan itu juga lebih kuat jika memakan sumber alam semula jadi dan tidak mudah diserang penyakit.

"Ia adalah antara faktor pelanggan menyukai arnab yang saya temak kerana ia bersifat organik walaupun belum sepenuhnya," katanya yang berjaya menjual lebih 1,500 arnab sepanjang tempoh PKP 2.0 dan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akhir tahun lalu.

Sementara itu, bagi



MAKANAN seperti dedaun turut diberi

memastikan tahap pembesaran dan kesihatan arnab berada pada tahap terbaik, Mohd Fadil sentiasa mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Perkhidmatan Veteriner Negeri Sembilan (JPVNS). Kata Mohd Fadil,

pihaknya mahu memastikan kepentingan pengguna sentiasa dijaga dengan memastikan arnab atau daging yang dijual berkualiti.

Malah dia turut bercadang membesarkan projek ternakan itu bagi

memenuhi permintaan pasaran yang semakin meluas, bukan saja di Negeri Sembilan malah di negeri lain.

"Permintaan arnab pedaging bertambah termasuk dari Johor, Selangor dan Melaka

dan saya juga berhasrat memternak arnab organik selepas ini.

"Sambutan yang menggalakkan itu mendorong saya mengembangkan projek penternakan arnab ini," katanya.

Cara mudah atasi masalah serangga perosak

Apabila bercucuk tanam di kawasan rumah, sememangnya tidak boleh lari daripada masalah serangga perosak. Jika dibiarkan, ia boleh merosakkan keseluruhan tanaman.

Sebab itulah ramai yang sanggup mencuba pelbagai cara untuk menyelamatkan tanaman daripada jangkitan penyakit seperti kulat, kutu, hama, siput dan semut.

Malah ada yang sanggup berhabis untuk membeli pelbagai jenis baja dan racun untuk mengatasi masalah itu.

Namun, tahukah anda sebenarnya ada cara yang lebih mudah untuk mengatasi masalah serangga perosak tanaman berkenaan?

Modalnya cuma gunakan serbuk penaik (baking powder) yang ada di rumah.

Untuk menghilangkan

jangkitan kulat, ambil satu sudu serbuk penaik dan campurkan dengan satu liter air.

Gunakan campuran itu untuk semburan di bahagian tanaman yang terkena jangkitan.

Selain itu, untuk mengatasi masalah kehadiran siput babi yang merosakkan tanaman, taburan serbuk penaik boleh membantu.

Haiwan itu akan melecur jika terkena serbuk berkenaan. Jika pokok kena serangan bena putih, cubalah campuran satu sudu serbuk penaik, satu sudu cecair pencuci pinggan dan satu liter air.

Campuran itu boleh disemur pada tanaman sehingga hilang kepupihan itu. Masalah daun berlubang akibat serangan ulat juga



SERANGAN bena putih boleh diatasi dengan campuran serbuk penaik, cecair pencuci pinggan dan air

boleh diatasi dengan campuran serbuk penaik dan tepung jagung, ia perlu ditabur pada tanaman.

Sementara itu, masalah kehadiran semut pada tanaman juga dikatakan

dapat ditangani dengan campuran serbuk penaik dan sedikit gula.

Campuran itu perlu ditabur di laluan semut dan hasilnya pasti mengembara anda.



TABURAN serbuk penaik boleh membantu mengatasi masalah kehadiran siput babi pada tanaman



MASALAH daun berlubang akibat serangan ulat juga boleh diatasi dengan campuran serbuk penaik dan tepung jagung